

SPEKIFIKASI

**SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA MENDALAM / MENAIKTARAF SUNGAI
DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

Kerja-Kerja Permulaan

- a). Kontraktor hendaklah menyediakan Insuran Tanggungan Awam dan Pekerja.
 - b). Semua Jalan masuk dan kerja yang berkaitan adalah di bawah tanggungan kontraktor.
 - c) Kontraktor hendaklah memastikan semua tapak kerja dibersihkan setelah Kerja-kerja siap dijalankan.
- 1 Kontraktor hendaklah menyediakan gambar-gambar saiz 4R, sebelum, semasa dan selepas kerja siap dilaksanakan sebanyak 2 salinan dan dikemukakan kepada Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Tengah. Gambar-gambar tersebut juga perlu disimpan dalam pendrive 8GB dan diserahkan kepada Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Tengah.
 - 2 Pembersihan Tapak Bina
Pihak Kontraktor dikehendaki membersihkan dan mengeluarkan segala sisa binaan dan barang-barang yang tidak digunakan dari kawasan tapak bina mengikut arahan Pegawai Penguasa.
 - 3 Kontraktor perlu memeriksa dengan kos sendiri semua laluan kabel elektrik, telefon dan paip air untuk mengelakkan sebarang kerosakan ketika kerja-kerja sedang dilaksanakan. Kontraktor perlu berurusan dengan pihak berkuasa berkenaan seperti TELEKOM, TNB, dan PBA untuk mendapatkan kedudukan sebenar laluan kabel dan paip air, termasuk kerja-kerja pemasangan bekalan sementara atau kekal, mengubah tiang atau kabel, ujian-ujian yang perlu dijalankan dan semua caj-caj, deposit-deposit berkaitan kerja-kerja tersebut ditanggung oleh kontraktor dan tidak boleh dituntut kembali kepada kerajaan.
 - 4 Pihak kontraktor diminta memastikan keselamatan orang awam dengan menyediakan pengawal lalulintas, papan tanda amaran, kon/barrier keselamatan dan lain-lain peralatan yang diperlukan semasa menjalankan kerja.
 - 5 Menjalankan kerja-kerja kemas, mengeluarkan segala baki bahan-bahan binaan dan sisa-sisa binaan dari tapak bina ke tempat yang diluluskan.

SPESIFIKASI**SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA MENDALAM / MENAIKTARAF SUNGAI
DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

- 6 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh majikan / tuannya-tuannya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalan kaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ . Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. Di dalam hal-hal lain.
- 7 Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja seperti yang diluluskan oleh P.P. Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaan
- 8 Semasa pembinaan, kontraktor hendaklah memastikan supaya tiada halangan pada aliran air pada parit sediaada atau mengakibatkan sebarang banjir pada kawasan sekeliling.
- 9 Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebagainya supaya kerosakan kepada jalan-jalan dan pembentong-pembentong yang sedia adalah minimum. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh loji-loji atau pekerja-pekerjanya ke atas Mana-mana jalan, pembentong dan sebagainya dan hendaklah menyenggara dan memperbaiki kerosakan-kerosakan itu mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Atau sebaliknya, kontraktor hendaklah menanggung kos penyenggaraan dan pemulihan tersebut sebagai potongan dari wang yang kena dibayar kepada Kontraktor.
- 10 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab kepada semua orang di bawah kawalannya, termasuk mereka yang bekerja dengan Kontraktor-kontraktor kecil, Pembekal-pembekal dan pengangkut-pengangkut dibataskan di tapak kerja dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan kerosakan dan apa jua gangguan dan hendaklah melepaskan tanggungan Kerajaan terhadap sebarang tuntutan yang timbul darinya.
- 11 Kontraktor hendaklah mematuhi segala arahan Pegawai Penguasa semasa menjalankan kerja tersebut.

